



RUJUKAN PENGGUNA

***(Dinasihatkan kepada pengguna untuk membaca rujukan ini dahulu sebelum mengisi borang permohonan permit)**

A. DEFINISI

1. KELULUSAN PERMIT

- Kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan Kerja di Jalan, Tutup Jalan/ Lorong (Projek), Laluan Logistik, Meletak Bahan Dalam Kawasan Rizab Jalan dan Angkut Bahan.

2. KERJA

- berhubung dengan mana-mana kemudahan ertinya pemasangan kemudahan itu dan termasuklah apa-apa pengorekan atau perbuatan yang berkaitan dengan atau bersampingan dengan pemasangan itu.

3. PERMIT KERJA DI JALAN (PKJ)

- Kebenaran melaksanakan kerja bagi apa-apa kemudahan di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau dibawah mana-mana jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Contoh : pengorekan jalan, memperbaiki penutup manhole di atas siar kaki, dll

4. Permit Kerja Malam (PKM)

- Kebenaran melaksanakan kerja bagi apa-apa kemudahan di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di waktu malam. Permohonan ini boleh dibuat bersekali dengan PKJ dan PTJ.

Contoh : kerja – kerja penyelenggaraan lampu jalan yang perlu diselenggara pada waktu malam.

5. LANJUTAN PERMIT

- Tempoh Maksima bagi setiap permit adalah satu (1) tahun. Sekiranya permit tersebut perlu dilanjutkan, pemohon perlu membuat permohonan lanjutan permit.
- Ianya perlu dimohon sekurang – kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh permit sediaada.

2. LOKASI KERJA

– Ditanda Dengan Jelas Di Atas Google Map




3. GAMBAR KAWASAN KERJA


- Menunjukkan kawasan kerja yang terlibat
- Perlu tunjukkan asset inventori yang terlibat dalam kawasan kerja (cth: sump, manhole utiliti, bebendul jalan, scupper drain, shrub dll)
- Sila sediakan butiran seperti contoh 1,2,3 dan 4



Contoh 1: Gambar kawasan kerja terlibat yang jelas ditanda beserta asset inventori yang terlibat



Contoh 2 : Gambar kerja yang terlibat beserta asset inventori sediaaada di tapak



Contoh 3 : Gambar kerja yang menunjukkan dengan jelas kawasan yang terlibat beserta asset inventori sediaada di tapak. **PERLU JUGA DINYATAKAN DENGAN JELAS PANJANG & LEBAR JALAN YANG TERLIBAT (M).**



Contoh 4 : Gambar kerja yang menunjukkan dengan jelas kawasan yang terlibat beserta asset inventori sediaada di tapak.

C. SPESIFIKASI KERJA PEMBAIKAN JALAN BAGI KERJA-KERJA PENGOREKAN DI JALAN SECARA TERBUKA (OPEN TRENCH)

1. **Permulaan kerja.**
Kerja-kerja penyediaan peralatan yang perlu serta papantanda keselamatan lalulintas yang secukupnya di tapak sebelum memulakan kerja.
2. **Kerja-kerja Pembaikan Jalan.**
 - a) Menanda dan mengukur bagi tujuan kerja pemotongan semula jalan dengan kelebaran mestilah sekurang-kurangnya Satu (1) Meter lebar dengan menggunakan 'Diamond Cutter'.
 - b) Mengorek lapisan jalan dengan kedalaman 450mm dan melakukan Kerja-kerja pemadatan Lapisan 'Sub Gred'
 - c) Menghamparkan lapisan pasir dengan ketebalan 50mm dan dipadatkan.
 - d) Menghamparkan lapisan batu 'Crusher Run' dengan ketebalan 300mm Dan dipadatkan secukupnya.
 - e) Membersihkan lapisan permukaan jalan dari segala habuk dan sampah (Jika ada) dan seterusnya menyembur permukaan lapisan jalan tersebut Dengan 'Tack Coat' secukupnya.
 - f) Menghamparkan lapisan 'Asphaltic Concrete Binder' (ACB 28) dengan Ketebalan 60mm dan dipadatkan secukupnya.
 - g) Membersihkan lapisan permukaan jalan dari segala habuk dan sampah (Jika ada) dan seterusnya menyembur permukaan lapisan jalan tersebut Dengan 'Prime Coat' secukupnya.
 - h) Menghamparkan lapisan 'Asphaltic Concrete Wearing Course' (ACW 14) dengan ketebalan 40mm dan dipadatkan secukupnya.

Catatan :- Kerja-kerja pemadatan lapisan jalan perlulah menggunakan Mesin Pemadat Tar (Roller) sekurang-kurangnya dengan berat 8 ton dan digelek berulang-ulang dengan secukupnya untuk penghasilan permukaan jalan yang baik.

D. SPESIFIKASI KERJA PEMBAIKAN BAGI KERJA-KERJA PENGOREKAN SECARA HDD & PIPE JACKING

1. **Permulaan kerja.**
Kerja-kerja penyediaan peralatan yang perlu serta papantanda keselamatan lalulintas yang secukupnya di tapak sebelum memulakan kerja.
2. **Kerja-kerja Pembaikan.**
 - a) Menanda dan mengukur bagi tujuan kerja pemotongan semula jalan dengan kelebaran mestilah sekurang-kurangnya Satu (1) Meter lebar dengan menggunakan 'Diamond Cutter'.
 - b) Mengorek lapisan jalan dengan kedalaman 450mm dan melakukan Kerja-kerja pepadatan Lapisan 'Sub Gred'
 - c) Menghamparkan lapisan pasir dengan ketebalan 50mm dan dipadatkan.
 - d) Menghamparkan lapisan batu 'Crusher Run' dengan ketebalan 300mm Dan dipadatkan secukupnya.
 - e) Membersihkan lapisan permukaan jalan dari segala habuk dan sampah (Jika ada) dan seterusnya menyembur permukaan lapisan jalan tersebut Dengan 'Tack Coat' secukupnya.
 - f) Menghamparkan lapisan 'Asphaltic Concrete Binder' (ACB 28) dengan Ketebalan 60mm dan dipadatkan secukupnya.
 - g) Membersihkan lapisan permukaan jalan dari segala habuk dan sampah (Jika ada) dan seterusnya menyembur permukaan lapisan jalan tersebut Dengan 'Prime Coat' secukupnya.
 - h) Menghamparkan lapisan 'Asphaltic Concrete Wearing Course' (ACW 14) dengan ketebalan 40mm dan dipadatkan secukupnya.
 - i) Bagi korekan yang melibatkan bahu jalan yang tidak berturap, kerja – kerja menimbus dan memadat bahu jalan HENDAKLAH dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak atau mati seharusnya diganti dan ditanam semula mengikut spesifikasi Jabatan Landskap Perbadanan Putrajaya.

- j) Kawasan hijau/kawasan berumput hendaklah diganti semula menggunakan kaedah 'Close Turfing'.
- k) Kemasan siar kaki hendaklah diganti semula seperti **SEDIAADA dan mengikut Spesifikasi Perbadanan** di tapak setelah kerja pengorekan dan pemasangan aset utiliti selesai dilaksanakan.
- l) Kawasan kerja bagi Kaedah HDD & Pipe Jacking serta penyimpanan peralatan kerja di tapak HENDAKLAH dikepong secukupnya menggunakan 'Plastic Double Barrier'

Catatan :- Kerja-kerja pemadatan lapisan jalan perlulah menggunakan Mesin Pemadat Tar (Roller) sekurang-kurangnya dengan berat 8 ton dan digelek berulang-ulang dengan secukupnya untuk penghasilan permukaan jalan yang baik.

E. SPESIFIKASI KERJA PEMBAIKAN BAGI KERJA-KERJA PENGOREKAN SECARA TERBUKA (OPEN TRENCH) DI KAWASAN HIJAU/SIAR KAKI

1. **Permulaan kerja.**
Kerja-kerja penyediaan peralatan yang perlu serta papantanda keselamatan lalulintas yang secukupnya di tapak sebelum memulakan kerja.
2. **Kerja-kerja Pembaikan.**
 - a) Menanda dan mengukur bagi tujuan kerja pemotongan kawasan dengan kelebaran mestilah sekurang-kurangnya Satu (1) Meter lebar.
 - b) Mengorek lapisan jalan dengan kedalaman 450mm dan melakukan Kerja-kerja pemadatan Lapisan 'Sub Gred'
 - c) Menghamparkan lapisan pasir dengan ketebalan 50mm dan dipadatkan.
 - d) Menghamparkan lapisan batu 'Crusher Run' dengan ketebalan 300mm Dan dipadatkan secukupnya.
 - e) Kemasan siar kaki hendaklah diganti semula seperti **SEDIAADA dan mengikut Spesifikasi Perbadanan** di tapak setelah kerja pengorekan dan pemasangan aset utiliti selesai dilaksanakan.

- f) Bagi korekan yang melibatkan bahu jalan yang tidak berturap, kerja – kerja menimbus dan memadat bahu jalan HENDAKLAH dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak atau mati seharusnya diganti dan ditanam semula mengikut spesifikasi Jabatan Landskap Perbadanan Putrajaya.
- g) Kawasan hijau/kawasan berumput hendaklah diganti semula menggunakan kaedah 'Close Turfing'.

Catatan :- Kerja-kerja pemadatan di kawasan korekan WAJIB menggunakan 'Roller Compacter' dengan berat 1 tan.

F. PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN (Sila rujuk Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (TPWC))

1. Lengkapkan **Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (Korekan Jalan)** atau **Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (Tutup Jalan, Laluan Logistik Dan Meletak Bahan Dalam Kawasan Rizab Jalan)**
2. Lengkapkan borang TPWC.
3. Pastikan **laporan ujian turapan jalan (Coring Test)** juga serta **As-Built Utility Mapping** dikemukakan bersama dengan permohonan ini untuk penilaian pihak PPj selanjutnya. (Jika Berkaitan)
4. Kemukakan bersama Resit asal pembayaran permit atau Surat akuan sumpah (jika resit asal hilang).
5. Susun dengan teratur borang beserta 'Cover Letter' dan dokumen yang diperlukan dan membuat pengemukakan permohonan ke Perbadanan Putrajaya.